

21 DEC 1996

Mahathir-Asean

MAHATHIR PELAWA INDIA SERTA PEMBANGUNAN LEMBAH MEKONG

By: Zainoor Sulaiman

NEW DELHI, 21 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa India supaya melabur dalam aktiviti-aktiviti ekonomi serantau seperti Kerjasama Pembangunan Lembah Mekong dan kawasan-kawasan pertumbuhan kecil serantau.

Pertambahan keanggotaan Asean yang meliputi kesemua 10 negara di Asia Tenggara akan menyediakan pasaran yang besar dan peluang pelaburan lebih banyak bagi syarikat-syarikat India, katanya semasa melancarkan Siri Ceramah Asean-India pertama di Vigyan Bhavan, kediaman presiden dan kompleks pentadbiran kerajaan India di sini.

Dr Mahathir, yang sedang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke India, berkata berikutan India menjadi rakan dialog sepenuh Asean Julai lepas, kedua-dua negara kini memikul tanggungjawab untuk memberikan nafas baru bagi meningkatkan hubungan untuk kepentingan bersama.

Selain kerjasama dalam pelbagai sektor telah dikenalpasti termasuk perdagangan dan pelaburan, beliau menggesa Asean dan India untuk mengadakan kerjasama dalam sektor-sektor yang lebih khusus seperti petroleum dan gas asli, pertanian, teknologi berasaskan pertanian, teknologi bio, tenaga dan telekomunikasi, teknologi maklumat, keretapi dan pengangkutan jalan, penerbangan awam dan kewangan, katanya.

Jumlah keseluruhan perdagangan Asean di India meningkat hampir 60 peratus bagi tempoh 1993-1995 daripada AS\$2.9 bilion kepada AS\$4.6 bilion dengan eksport mengatasi import.

Mengenai pelaburan, pelaburan Asean di India melonjak naik sebanyak 420 peratus daripada AS\$13.66 juta dalam 1993 kepada AS\$372.73 juta pada 1995, katanya.

"Malaysia, Singapura dan Thailand telah membawa Asean masuk ke India manakala Indonesia dan Filipina juga telah mula membuat sejumlah besar pelaburan," tambahnya.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai perlunya mengikis salah tanggapan dan kekurangan maklumat mengenai peluang-peluang perdagangan dan pelaburan antara Asean dan India.

"Sesetengah kalangan di India merasakan pasaran Asean sebagai terlalu kompetitif dan sebaliknya banyak pihak di Asean melihat India sebagai terlalu birokratik dan masih kurang selesa dengan ekonomi terbukanya," katanya.

Ramai usahawan di Asean masih tidak menyedari pembaharuan ekonomi telah dilakukan India baru-baru ini dan menyangka peluang perdagangan dan pelaburan terus dikawal ketat, katanya.

Sambil menegaskan betapa perlunya kerjasama sektor swasta dipergiatkan, Perdana Menteri berkata sektor swasta perlu memainkan peranan utama dan kerajaan-kerajaan Asean dan India perlu berusaha membina rangkaian kerjasama sektor swasta yang kukuh sebagai rangka kerja sealiran dengan aktiviti-aktiviti tajaan kerajaan.

"Ini dapat dicapai dengan menyediakan sektor swasta kedua-dua belah pihak satu rangka kerja yang kondusif untuk sama-sama mengembleng tenaga dan sumber bagi usaha sama antara Asean dan India," katanya.

Beliau berkata Majlis Perniagaan Asean-India yang baru dibentuk merupakan saluran terbaik bagi sektor swasta dari kedua-dua rantau bertukar-tukar maklumat dan pandangan.

Mengenai pelancongan, beliau berkata Asean dan India perlu saling bantu-membantu untuk meningkatkan kesedaran tentang perlunya pertukaran

maklumat antara sektor pelancongan Asean dan India.

Beliau berkata dalam bidang pembangunan sumber manusia, latihan dan felohip, pertukaran lawatan dan program antara institusi pendidikan dan institusi kajian strategik kedua-dua rantau perlu diusahakan segera.

Dr Mahathir berlepas ke Bangalore, ibu negeri Karnataka untuk melawat Hidustani Aeronautical Ltd (HAL), industri angkasa lepas yang mempunyai 55 tahun pengalaman dalam merekabentuk, pembangunan, pengeluaran dan membaik pulih pelbagai jenis pesawat tentera dan awam, helikopter, loji tenaga, sistem avionik dan bersepadu yang berasal dari Barat dan Russia.

Beliau juga akan melawat kilang elektrik Bharat Heavy Electrical Ltd dan pertubuhan penyelidikan angkasa lepas India (ISRO).

Semasa di Bangalore, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan pelajar Malaysia sebelum pulang ke Malaysia petang esok.-- BERNAMA

ZS OBA